

28 DEC 1999

DR MAHATHIR BERBUKA PUASA BERSAMA DUTA-DUTA NEGARA OIC

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berbuka puasa bersama-sama dengan duta-duta dari negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Majlis berbuka puasa itu dianjurkan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar. Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Terdahulu, satu majlis dialog tertutup antara Dr Mahathir dan 24 duta negara anggota OIC itu diadakan selama kira-kira 40 minit. Syed Hamid dan Abdul Hamid turut hadir dalam sesi dialog itu.

Pada masa ini, sebanyak 56 negara termasuk Malaysia menjadi anggota OIC.

Dr Mahathir, Syed Hamid, Abdul Hamid dan para tetamu juga menunaikan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah, diikuti solat Tarawih.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan isteri Syed Hamid, Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin.

-- BERNAMA

HS NAK